

ADAT PERPATIH.

MASYARAKAT DAN PERUBAHAN
(ANT 2001)

DIPLOMA PEMBANGUNAN MANUSIA
EKOLOGI MANUSIA

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

1998/99

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

ANT-2001

PERUBAHAN DAN MASYARAKAT

TAJUK: ADAT PERPATIH

ANLI KURIPULAN

252

1 . ERANA BT. ABD SEMAN	59186
2 . SITI ZALEHA BT. ABD WAHAB	58719
3 . ZURAIDAH BT. AMNIN	59090
4 . NUR AIDAH BT. RASHID	58894
5 . MAZLINA BT. MAHADHIR	58691
6 . NURZAFIFA BT. KAMARUNZAMAN	58762
7 . MARLINA BT. RAMLY	59050
8 . RINA AZRIN BT. ABD RAHMAN	65162
9 . NURUL SYAHIDA BT. MAT ARSHAD	58931

Penghargaan

Assalamualaikum w.b.t.

Alhamdulillah, kami bersyukur ke hadrat Ilahi kerana kami dapat menyiapkan tugas yang bertajuk ADAT PERPATIH dalam tempoh masa yang di tetapkan. Laporan kajian ini adalah hasil kerjasama dan bantuan dari pelbagai pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung.

Penghargaan dan rasa terhutang budi yang sesungguhnya tidak dapat dilahirkan dengan beberapa baris ayat. Namun begitu, kami mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada pensyarah yang kami hormati ENCIK NORHALIM BIN HJ. IBRAHIM sebagai pensyarah kursus ANT 2001 dan fasilitator kami dalam menyediakan dan mengemaskinikan tugas ini.

Terima kasih juga atas kesudian ENCIK NORHALIM BIN HJ. IBRAHIM kerana sudi meluangkan masa untuk mengkritik dan memperbetulkan kesilapan dan kekurangan tugas kami bagi menghasilkan mutu kerja yang baik.

Akhir sekali, tidak lupa juga kepada semua ahli kumpulan kami yang terdiri daripada Era, Eda, Siti, Aida, Maz, Fifa, Jaja, Ina dan Rina yang bertungkus-lumus dan sanggup berkorban masa untuk menyediakan dan menyiapkan tugas serta memberi komitmen yang tinggi sepanjang pemprosesan tugas ini. Ini kerana kami memegang satu prinsip 'berat sama dipikul, ringan sama dijinjing'.

Sekian terima kasih

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	
PENGENALAN	1
ADAT PERPATIH BERASAL DARI MINANGKABAU	7
SEBAB-SEBAB DIBERI NAMA ADAT PERPATIH	9
HIDUP PELBAGAI KAUM	12
PECAHAN-PECAHAN SUKU DAN PENTADBIRANNYA	14
HIDUP DALAM SUKU-SUKU	16
LUAK DAN SUKU-SUKU	18
SEMENDA-BERSEMENDA	20
PERTALIAN ANTARA SUKU-SUKU	22
KEDIM-BERKEDIM	24
PEMERINTAHAN BERPEWAKILAN	26
RAJA TIADA BERNEGERI	28
KEPERIBADIAN SEORANG PEMIMPIN	30
CARA-CARA MEMBAHAGI HARTA	34
ADAT YANG SENTIASA BAHARU	37

SEMENDA-BERSEMENDA

Orang-orang yang sama sesuku merupakan sekeluarga atau adik-beradik maka tidak boleh seseorang itu kahwin dalam sukunya sendirinya. Ini dianggap sebagai kahwin adik-beradik jika berkahwin dengan sesuku maka adalah menjadi satu kesalahan yang amat besar dan sangat mengaibkan jika didapati atau berlaku perkahwinan sesuku. Oleh yang demikian anak-anak buah terpaksa kahwin keluar daripada sukunya atau lebih tepat lagi kahwin dengan orang dari suku lain.

Apabila seseorang lelaki itu kahwin, ia terpaksa tinggal dengan isterinya dan bercampur gaul dengan komuniti suku isterinya. Ia dikenali sebagai **Orang Semenda** dan komuniti dari suku isterinya dikenali sebagai **Orang Tempat Semenda**. Orang Ssemenda itu boleh disifatkan sebagai ipar atau menantu kepada Orang-Orang Tempat Semenda itu. Apa yang dimaksudkan dengan semenda dan bersemenda itu ialah kawin berkahwin. Inilah dikatakan oleh adat:

"Orang semenda bertempat Semenda iaitu Orang yang berkahwin mempunyai tempat berkahwin".

Kesemua orang-orang semenda dalam suatu suku itu dikenali sebagai **Resam**. Resam atau orang-orang semenda tidak berhak mencampuri perkara-perkara besar yang terbit dan berlaku dalam suku tempat mereka bersemenda itu. Kedudukan orang yang bersemenda di tempat semendanya itu adalah ibarat seperti *mentimun dengan duri*, *menggolek pun lka, kena golek pun luka*. Ini hanya menyatakan bahawa kekuasaannya dalam suku isterinya itu tidak berkesannya adanya.

Sebaliknya pula tidak boleh diertikan bahawa seseorang orang semenda itu tidak mendapat penghargaan diri yang selayaknya kerana Adat Perpatih juga mengkehendaki supaya orang semenda itu sentiasa dihormati dan dihargai :-

Orang Semenda di Tempat Semenda,

*Jika cerdik teman berunding,
Jika bodoh disuruh diarah,
Tinggi banir tempat berlindung,
Rimbun daun tempat bernaung,
Disuruh pergi, dipanggil datang,
Yang buta disuruh menghembus lesung,
Yang patah disuruh menunggu jemuran,
Yang pekak disuruh mencucuh meriam,
Yang berani dimuat kepala lawan,
Kalau kaya hendakkan emasnya,
Kalau mau'alim hendakkan doanya.*

Tegasnya setiap orang semenda dan juga setiap anggota masyarakat mesti berguna kepada masyarakat umumnya. Disebaliknya pula, orang semenda ini tetap mempunyai hubungan erat dengan sukunya sendiri, di mana ia masih berhak mencampuri hal ehwalnya sebagai anak buah suku itu.

Seseorang lelaki tidak boleh kahwin dengan dua orang perempuan yang sama suku kerana hal yang demikian dianggap dan dipandang seperti memadukan dua orang perempuan adik-beradik. Apabila seseorang lelaki itu bercerai maka ia akan dijemput pulang ke sukunya. Demikian juga apabila isterinya meninggal dunia, ia akan dijemput pulang ke tempat sukunya sendiri. Pendek kata apabila sudah bercerai atau kematian isteri ia tidak berhak tinggal di tempat semendanya itu.